



**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA
PENGUMUMAN**

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) adalah merupakan Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Bahan 1967 (Akta 487) bagi mengawal selia profesion ukur bahan untuk praktis atau beramal dalam memberi perkhidmatan berkaitan ukur bahan di Malaysia.

LJBM ingin memberi peringatan mengenai larangan kepada individu yang tidak berdaftar untuk beramal sebagai Juruukur Bahan dengan mempromosi sama ada dengan mengiklan dalam media sosial atau komunikasi lain bagi tujuan memberi perkhidmatan berkaitan ukur bahan.

Selaras dengan Seksyen 7 Akta 487, mana-mana individu atau firma tidak dibenarkan untuk beramal sebagai Juruukur Bahan kecuali telah berdaftar sebagai Juruukur Bahan Konsultant (CQS) atau Juruukur Bahan Profesional (PQS). Larangan ini termasuk penggunaan nama atau gelaran yang mungkin menimbulkan tanggapan bahawa individu tersebut adalah Juruukur Bahan.

Di samping itu, individu adalah tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dengan mengutip fi atau menuntut sebarang bayaran untuk khidmat nasihat profesional tanpa memperoleh permit untuk beramal sebagai Juruukur Bahan Perunding (CQSP) yang diluluskan oleh LJBM, selaras dengan Seksyen 7A Akta 487. Sekiranya terdapat pelanggaran terhadap syarat yang ditetapkan, LJBM berhak untuk mengambil tindakan disiplin dan boleh dikenakan penalti menurut Seksyen 24(h), Akta 487.

Sehubungan itu, individu yang berminat untuk berdaftar sebagai Juruukur Bahan atau memerlukan perkhidmatan ukur bahan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang LJBM di pautan berikut: www.bqsm.gov.my.

Orang awam diingatkan untuk menyemak individu atau firma yang berdaftar dengan melayari laman web rasmi LJBM tersebut.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Bertarikh 8 November 2024

Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

JJ/eah/m